

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Kluster Emperoh Jambu di Kuching, Samarahan berpunca satu majlis pengebumian

Lapan kluster baharu direkodkan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Hasil saringan sendiri dilakukan seorang individu kes indeks pada 17 Februari lalu mencetuskan kluster baharu semalam iaitu Kluster Emperoh Jambu melibatkan daerah Kuching dan Samarahan di Sarawak.

Kluster komuniti tersebut membabitkan satu majlis pengebumian di Kampung Emperoh Jambu, Padawan, Samarahan berlangsung antara 3 hingga 5 Februari dengan 60 kes dikesan positif sehingga semalam.

Di antara lapan kluster baharu yang dikenal pasti semalam iaitu termasuk 99 kluster penyumbang kepada 2,192 kes harian negara, manakala kes sembuh kekal mengatasi dengan 3,414 kes.

Selangor kembali melaporkan kes harian tertinggi sebanyak 910 kes diikuti Kuala Lumpur (303 kes) dan Sarawak (221 kes).

Terdapat enam kematian dilaporkan di Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak melibatkan empat lelaki dan dua wanita berusia antara 17 hingga 84 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster baharu yang dikenal pasti semalam dilaporkan di Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sarawak dengan tujuh dari-



padanya berkaitan tempat kerja dan satu komuniti.

Menurutnya, tujuh lagi kluster baharu tersebut ialah Kluster Tapak Bina Lombong Timah di Kuala Langat, Petaling dan Klang, Selangor dengan 45 kes pekerja sebuah tapak binaan di Jalan

Lombong Timah 3, Bandar Saujana Putra, Kuala Langat.

"Kluster Tapak Bina Jalan Kota di Gombak dengan 11 kes pekerja sebuah tapak binaan di Kawasan Perindustrian Kota Elmina.

"Selain itu, Kluster Pasar Jalan Putra di Petaling dengan sembi-

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	2,192
Import:	3
Tempatan:	2,189
Pulih	3,414
Kematian	6
Masih dirawat	32,076
Jumlah kes sembuh	252,623
Jumlah Kematian	1,062
Jumlah kes keseluruhan	285,761

PEMANDU teksi terpaksa menunggu pelanggan yang berkurangan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur berikutan perintah kawalan pergerakan (PKP).

– AMIR KHALID

lan kes pekerja sebuah perniagaan runcit dalam kawasan pasar borong di Sri Kembangan, Petaling," katanya dalam satu kenyataan akhbar semalam.

Beliau berkata, Kluster Tapak Bina Sungai Batu pula di Kepong, Kuala Lumpur dengan 25 kes

pekerja sebuah tapak binaan berhampiran Sungai Batu di Jalan Ipoh, Kepong.

"Kluster Sungai Bakong di Meradong, Sarawak dengan 22 kes iaitu tiga kes indeks bergejala serta melibatkan sebuah pusat pengajian berhampiran Sungai Bakong di Meradong.

"Seterusnya, Kluster Hilir Sungai Kluang di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Barat Daya dan Timur Laut, Pulau Pinang dengan 41 kes pekerja sebuah kilang di Hilir Sungai Kluang, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Barat Daya," katanya.

Ujarnya, Kluster Industri Sungai Gadut pula di Seremban, Rembau dan Tampin, Negeri Sembilan dengan 65 kes pekerja sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Sungai Gadut, Seremban.

Sementara itu, terdapat 14 kluster tamat semalam iaitu Kluster Parit Jamil, Kluster Manik, Kluster Batu Lapan, Kluster Paloh Tumpat, Kluster Pondok Hidayah, Kluster Sungai Chemubong dan Kluster Jalan TJ.

Kluster lain yang tamat ialah Kluster Stutong, Kluster Sungai Ibor, Kluster Industri Apas, Kluster Jalan KKIP Selatan, Kluster Kampung Bukit Lada, Kluster Teknologi Kesidang dan Kluster Tropika menjadikan sebanyak 578 kluster ditamatkan.